

Banjir - bahaya haiwan dan serangga

Penerangan tentang menghadapi haiwan dan serangga selepas banjir

Malay | Bahasa Melayu | ملايو بهاس

OFFICIAL

Apabila kembali ke kawasan yang terjejas banjir, haiwan liar termasuk tikus, ular atau labah-labah mungkin terperangkap di rumah, bangsal atau taman anda.

Menghadapi bahaya ular

- Semasa di luar rumah:
 - ✓ pakai but yang lasak, sarung tangan dan seluar panjang untuk melindungi kaki
 - ✓ beri perhatian khas kepada tangan dan kaki semasa membersihkan kawasan rumah selepas banjir
 - ✓ jika ada ular, berundur dan biarkan ular itu berlalu pergi - jangan sentuh
 - ✓ awas, dalam air mungkin ada ular berenang
 - ✓ buang sampah yang ada di sekeliling rumah - sampah menarik perhatian ular, labah-labah dan tikus.
- Jika ada ular di dalam rumah, jangan panik, berundur perlahan-lahan dan biarkan ular itu berlalu pergi. Jangan sentuh. Hubungi Department of Environment, Land, Water and Planning 136 186 untuk senarai penangkap ular di kawasan anda.
- Jika digigit ular:
 - ✓ jangan basuh bahagian kulit di sekeliling tempat gigitan
 - ✓ jangan bergerak, minta bantuan perubatan segera dengan menghubungi 000
 - ✓ baring atau duduk dengan meletakkan bekas gigitan di bawah paras jantung.
 - ✓ tutup kawasan bekas gigitan dengan pembalut yang bersih dan kering. Juga disarankan memakai balutan yang erat di bahagian yang terkena gigitan.
 - ✓ catatkan waktu kejadian gigitan dan waktu pembalut dipasang
 - ✓ jangan pasang tornikut, hiris bahagian tergigit untuk membuang bisa atau cuba sedut bisa ular daripada bahagian luka.

Menghadapi bahaya labah-labah

- Jika digigit labah-labah:
 - ✓ basuh bahagian bekas gigitan dan gunakan pek ais untuk mengurangkan kesakitan
 - ✓ jangan tekan
 - ✓ dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika digigit labah-labah jenis "redback" atau jika gejala semakin teruk.

Menghadapi bahaya tikus dan serangga

- Tikus dan mencit membawa penyakit. Pindahkan makanan dan barangan lain yang boleh menjadi tempat berlindung bagi tikus dan mencit.
- Hapuskan sampah dan pasangkan tudung tong sampah. Pasang perangkap tikus di kawasan yang kering jika perlu.
- Jauhi air bertakung kerana biasanya tempat nyamuk membiak. Pakai pakaian yang menutupi tubuh seberapa banyak yang dapat, dan gunakan bahan penghalau nyamuk.
- Lalat membawa penyakit. Bersihkan segera sisa makanan kerana biasanya menjadi tempat lalat membiak.
- Jika digigit atau dcederakan oleh binatang atau disengat serangga, dapatkan nasihat doktor atau hubungi NURSE-ON-CALL 24 jam sehari, 7 hari seminggu di 1300 60 60 24.

Untuk menerima penerbitan ini dalam format mudah akses, sila e-mel

pph.communications@health.vic.gov.au

